# KENYATAAN AKHBAR
# MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

## SEKATAN KE ATAS TALIAN HOTLINE LARANGAN MEROKOK

**PUTRAJAYA, 19 Jun -** Saya mengambil maklum tentang aduan serta laporan akhbar berhubung sekatan ke atas talian hotline umum oleh pihak pengurusan aplikasi WhatsApp.

Menurut maklumat yang saya terima, sekatan ini berlaku selepas terdapat aduan daripada orang awam yang mendakwa talian hotline tersebut melanggar terma dan syarat WhatsApp.

Untuk makluman, talian hotline berkenaan diwujudkan bagi membolehkan orang ramai membuat laporan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sekiranya terdapat perokok yang merokok di tempat-tempat awam, termasuk restoran tertutup dan terbuka, yang telah diisytiharkan sebagai zon tidak merokok.

Selain itu, talian tersebut juga disediakan bagi memudahkan orang awam untuk mendapatkan maklumat, membuat pertanyaan atau mendapatkan nasihat yang berkaitan.

Langkah ini diambil bagi memperkasakan peranan orang awam dalam membantu kementerian melaksanakan larangan merokok, selain meningkatkan kesedaran mereka terhadap bahaya asap rokok.

Sehubungan itu, pihak KKM akan mengadakan perbincangan bersama Syarikat Facebook dalam waktu yang terdekat bagi mencari jalan penyelesaian yang sewajarnya. WhatsApp adalah salah satu daripada Syarikat Facebook.

Sekian, terima kasih.

**YB DATUK SERI DR. DZULKEFLY AHMAD**
**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**